



Ruj. Kami : ANM (A) NS.260 Jld.22 (150)

Tarikh : 1 Ogos 2019

**PENGARAH
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
SEMUA PUSAT PEMBAYAR
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**SURAT MAKLUMAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PULANGAN BALIK
HASIL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/tuan sedia maklum, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2019 telah menyatakan seperti berikut :

Lampiran D : Garis Panduan Pengurusan Pulangan Balik Hasil

Para 4.1.1

PTJ hendaklah bertanggungjawab memastikan pulangan balik hasil adalah mematuhi peraturan yang berkuat kuasa, pulangan balik hasil belum pernah dituntut dan tidak berlaku bayaran dua kali.

Para 4.1.2

Pastikan permohonan pulangan balik hasil disertakan dengan dokumen-dokumen seperti di **LAMPIRAN D1, LAMPIRAN D2 & LAMPIRAN D3.**

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan yang ingin membuat tuntutan bayaran balik hasil mestilah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan boleh menghubungi **En. Mohd Helmi Bin Mohd Radzali** di talian **06-768 6839.**

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))
Unit Akaun
b.p. : Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sembilan

